



## **SYARAT-SYARAT AM**

### **1. PERIHAL.**

- 1.1 Terdapat dua (2) cara pelawaan/ iklan Sebut Harga dan Tender bagi Universiti Teknologi MARA. Sama ada secara atas talian melalui Sistem FINePROCUREMENTPLUS atau secara manual/ luar talian iaitu jualan dokumen di kaunter Bahagian Perolehan & Aset, Jabatan Bendahari UiTM Shah Alam atau Bahagian Bendahari UiTM Kampus seluruh Malaysia.
- 1.2 Petender/ Penyebut Harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 1.3 Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

### **2. ANGGARAN KEPERLUAN.**

Kuantiti yang diperlukan adalah dianggarkan berjumlah seperti yang terdapat di **Ringkasan Harga**.

### **3. SYARAT-SYARAT KHAS / PENENTUAN (SPESIFIKASI).**

- 3.1 Pelawaan ini juga terikat dengan syarat-syarat khas / penentuan (spesifikasi) yang terdapat di dalam **Dokumen Tawaran Teknikal**.
- 3.2 Jika spesifikasi didapati menjurus kepada sesuatu jenama tanpa ungkapan “atau persamaan”/ “atau setara” dinyatakan, petender/ penyebut harga boleh membuat bantahan secara bertulis.
- 3.3 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset, Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dalam tempoh **Empat Belas (14) hari dari tarikh iklan / pelawaan dibuka**. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

### **4. TEMPOH KONTRAK.**

Tempoh kontrak ini adalah untuk jangka masa yang ditetapkan oleh Universiti. Universiti ini berhak menentukan tarikh permulaan kontrak dan tarikh tamat kontrak.

### **5. SYARAT-SYARAT.**

- 5.1 Pelawaan ini adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Kontrak.
- 5.2 Petender/ penyebut harga adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai tawaran ini. Sekiranya petender gagal mematuhi salah satu atau lebih syarat-syarat ini maka tawaran tersebut tidak akan dipertimbangkan dan akan terus ditolak.
- 5.3 Tender/ sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan petender/ penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan juar pun yang

mungkin timbul mengenai tender/ sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

- 5.3 Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan ketetapan maklumat syarikat di laman web rasmi Kementerian Kewangan Malaysia/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan maklumat tersebut sama seperti paparan di dalam Sistem FINePROCUREMENTPLUS UiTM.
- 5.4 Semua dokumen yang dikemukakan dan dihantar oleh Penyebut Harga/ Petender di dalam **Dokumen Teknikal** mestilah **tidak memaparkan** sebarang **maklumat berkaitan syarikat** seperti Nama Syarikat, Logo Syarikat, Nombor Pendaftaran Syarikat dan lain-lain maklumat berkaitan syarikat. Semua maklumat syarikat hendaklah ditutup dan dipadam.

## 6. **KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI TAWARAN.**

- 6.1 Hanya petender/ penyebut harga yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** dan pendaftarannya masih berkuat kuasa di bawah Kod Bidang **sebagaimana yang dinyatakan pada iklan/ pelawaan** sahaja yang layak untuk menyertai tawaran ini.
- 6.2 Bagi penyertaan tawaraan secara manual/ luar talian, hanya petender/ penyebut harga yang membeli dokumen tawaran yang diakui pembeliannya dengan resit rasmi UiTM sahaja yang akan diterima untuk menyertai tawaran ini. Penyertaan dari anak syarikat atau agen kepadanya tidak layak dipertimbangkan dan akan ditolak.
- 6.3 Setiap pembelian dokumen tawaran tender/ sebut harga dibekalkan dengan **nombor siri dokumen**. Petender/ penyebut harga yang memasuki tawaran ini dengan nombor siri dokumen berbeza dari resit rasmi UiTM tidak layak dipertimbangkan dan akan ditolak.
- 6.3 Manakala bagi penyertaan tawaran secara atas talian, hanya syarikat-syarikat yang membeli **PKI (Public Key Infrastructure)** layak untuk menyertai tawaran ini. Syarikat-syarikat yang memasuki tawaran ini dengan menggunakan PKI (*Public Key Infrastructure*) yang dibeli oleh mana-mana syarikat lain, walaupun ianya merupakan anak syarikat ataupun agen kepadanya tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.
- 6.5 Petender/ penyebut harga adalah **diwajibkan** menghadiri Taklimat Khas atau Lawatan Tapak pada tarikh dan masa sebagaimana yang telah ditetapkan. Kegagalan Petender / penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran yang dikemukakan tidak dipertimbangkan dan terbatal sebagai tidak memenuhi syarat penyertaan. (**Syarat ini adalah terpakai bagi tawaran yang mempunyai taklimat khas / lawatan tapak di mana kehadiran diwajibkan**).

## 7. **KEISTIMEWAAN.**

Pelawaan tender/ sebut harga ini memberi keistimewaan kepada perkara-perkara berikut:

- i) **Keadaan Barang.** Semua barang-barang yang dibekalkan di bawah kontrak ini mestilah barang - barang keluaran semasa baru, tulin serta belum digunakan kecuali bagi tujuan ujian mutu di kilang pembuat (*static running*).



- ii) **Bahan, Barang dan Perkhidmatan Tempatan.** Bekalan barang-barang hendaklah dari buatan tempatan sahaja melainkan bagi barang-barang yang tidak boleh diperolehi dari sumber-sumber tempatan.
- iii) Firma-firma yang menggunakan pekerja-pekerja warganegara Malaysia dan pembahagian kerja-kerja yang adil mengikut ras-ras penduduk Malaysia.
- iv) Syarikat Bumiputera / Pembuat Bumiputera.

#### **8. WANG SANDARAN / DEPOSIT.**

- 8.1 Semua penyertaan tidak dikenakan wang deposit tetapi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 8.1.1 Sekiranya petender/ penyebut harga menolak tawaran setelah tawaran dibuat kepadanya dalam tempoh sah laku tawaran berkenaan, maka tindakan penggantungan pendaftarannya oleh Perbendaharaan akan diambil seperti berikut:
    - a) Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama; atau
    - b) Lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; atau
    - c) Pendaftaran syarikat berkenaan akan dibatalkan bagi kesalahan ketiga; atau
    - d) Apa-apa kaedah denda/penalty/penggantungan yang berkuatkuasa.
  - 8.1.2 Bagi syarikat yang dibatalkan pendaftarannya, nama pemilik modal dan ahli Lembaga Pengarah akan disenaraihitamkan. Dengan kesalahan- kesalahan tersebut maka senarai syarikat-syarikat yang digantung pendaftaran akan diedar untuk perhatian semua Kementerian / Jabatan Badan Berkanun dari semasa ke semasa.

#### **9. MAKLUMAT PETENDER/ PENYEBUT HARGA.**

Petender/ penyebut harga dikehendaki mengisi dengan lengkap segala butir-butir yang terdapat di lampiran **Latar Belakang Petender/ Penyebut Harga dan Maklumat Syarikat di Sistem FinEProcurement Plus.**

#### **10. BORANG PEMBAHAGIAN PEKERJA-PEKERJA.**

Petender/ penyebut harga dikehendaki mengisi dengan lengkap segala butir-butir yang terdapat di lampiran **Borang Pembahagian Pekerja-Pekerja dan Maklumat Syarikat di Sistem FinEProcurement Plus.**

#### **11. KATALOG/CONTOH.**

Petender/ penyebut harga dikehendaki mengemukakan katalog/contoh alat-alat yang ditawarkan pada atau sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Tawaran beserta katalog/contoh yang dihantar selepas tarikh dan masa tutup sesuatu tender/sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

#### **12. PEMERIKSAAN.**



- 12.1 Universiti sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- 12.2 Petender/ penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**13. PELAWAAN.**

- 13.1 Petender/ penyebut harga adalah **diwajibkan** mengisi segala butiran yang terdapat dalam pelawaan dengan jelas dan lengkap.
- 13.2 Harga Tawaran hendaklah dibawa ke **Borang Tender/ Borang Rasmi Sebut Harga** dengan diisi lengkap. Sekiranya maklumat tidak lengkap, tawaran petender/ penyebut harga akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 13.3 Petender/ penyebut harga hanya dibenarkan menawarkan satu (1) tawaran harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan petender/ penyebut harga yang menawarkan tawaran alternatif boleh menyebabkan tawarannya ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

**14. MATA WANG.**

Harga Tawaran dari petender/ penyebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**15. HARGA TAWARAN.**

Harga Tawaran dari petender / penyebut harga hendaklah secara Cost, Insurance & Freight (CIF) atau Free On Board (FOB) sebagaimana yang dinyatakan pada **Ringkasan Harga**.

**15.1 Bahan, Barang dan Pekhidmatan Tempatan.**

Harga tawaran hendaklah harga bersih secara CIF termasuk semua diskauan dan kos tambahan yang berkaitan seperti kos pengangkutan, insurans, duti eksais, cukai kerajaan juga lain-lain caj yang berkenaan.

**15.2 Bahan dan Barang Import.**

**15.2.1 Tawaran secara CIF.**

- a) Harga tawaran hendaklah harga bersih termasuk semua diskauan dan kos tambahan yang berkaitan seperti kos pengangkutan, insurans, duti eksais, cukai kerajaan juga lain-lain caj yang berkenaan.
- b) Bagi urusan perolehan barang import yang terdiri daripada perolehan **peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan**, perolehan akan dilaksanakan secara CIF tertakluk kepada nilai perolehan sehingga RM5 juta.

**15.2.2 Tawaran secara FOB.**



- a) Harga tawaran hendaklah termasuk semua semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan seperti duti eksais, cukai kerajaan dan lain-lain caj berkaitan barang berkenaan.
- b) Harga tawaran juga hendaklah termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- c) Harga tawaran adalah sehingga Port of Loading barang tersebut.
- d) Universiti ini bertanggungjawab menguruskan perkara berkaitan pengangkutan dan insurans.
- e) Walaupun pembelian dibuat secara FOB pihak pembekal tidak terlepas daripada tanggungjawab terhadap barang tersebut sehingga tamat tempoh jaminan penggunaan barang yang dibekal. Pembekal hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pengguna Universiti ini bagi memastikan barang tersebut diselenggara mengikut kontrak.
- f) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak sempurna hendaklah diganti dan ditanggung oleh pembekal.

#### **16. PERBELANJAAN TAWARAN.**

Harga tawaran hendaklah mengambil kira duti setem, cukai kerajaan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan tender/ sebut harga ini. Kadar Duti Setem adalah tertakluk kepada Akta Setem 1949 dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.

#### **17. AKUAN PEMBIDA DAN SURAT PERWAKILAN KUASA.**

Petender/ penyebut harga adalah diwajibkan mengisi Akuan Pembida dengan lengkap dan tepat. Sekiranya tidak atau gagal mengemukakan maklumat yang tepat dan lengkap, tawaran petender/ penyebut harga akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

#### **18. MAKLUMAT BARANGAN IMPORT.**

Petender/ penyebut harga **DIMESTIKAN** mengisi maklumat barang import dengan tepat dan lengkap. Sekiranya petender/ penyebut harga gagal mengisi lampiran berkenaan, maka tawaran tersebut tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak. (Bagi barang import sahaja).

#### **19. BAHAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN.**

- 19.1 Semua barang-barang yang dibekalkan di bawah kontrak ini **MESTILAH** bahan, barang dan perkhidmatan tempatan, kecuali item tersebut tiada buatan tempatan atau sumber-sumber tempatan maka buatan dari negara lain baru boleh dipertimbangkan.
- 19.2 Petender/ penyebut harga adalah diwajib menggunakan bahan, barang buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh Agensi terpilih atau lain-lain Badan Pensijilan tempatan yang telah mendapat akreditasi daripada Jabatan

Standard Malaysia (JSM) bagi mengiktiraf bahan/barangan tempatan. Rujukan Badan Pensijilan yang diiktiraf boleh dibuat melalui laman web JSM.

19.3 Sila semak Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh Agensi berikut:

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
- (b) Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- (c) IKRAM QA Services Sdn. Bhd.
- (d) SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- (e) Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp. Malaysia)
- (f) Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
- (g) Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)

19.4 Sekiranya petender/ penyebut harga tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan, barang dan perkhidmatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan/ barang/ perkhidmatan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas petender/ penyebut harga.

## 20. DOKUMEN WAJIB.

20.1 Berikut adalah dokumen-dokumen yang wajib dikemukakan bersama dokumen tawaran ini:-

1. Salinan Sijil Kementerian Kewangan
2. Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (**Jika Bertaraf Bumiputera**)
3. Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (**Jika ada**)
4. Penyata Kewangan Tahunan Terkini
5. Penyata Bank Terkini (Bagi 3 bulan terkini)
6. Perakuan Kemudahan Kredit Dari Institusi Kewangan (**Jika ada**)
7. Dan lain-lain yang berkaitan

20.2 Sekiranya tidak atau gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut di atas terutamanya dokumen yang wajib, tawaran petender/ penyebut harga boleh ditolak dan tidak layak dipertimbangkan.

## 21. PERATURAN MENGISI DAN MENGHANTAR TAWARAN.

### 21.1 Tawaran Tender/ Sebut Harga Secara Manual/ Luar Talian

21.1.1 Semua maklumat hendaklah diisi dengan lengkap, kemas dan terang di ruangan yang ditentukan. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, petender/ penyebut harga dibenarkan menaip maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh petender/ penyebut harga serta dicap dengan meteri syarikat pada setiap helaian tambahan.

21.1.2 Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang-borang Dokumen Tawaran Tender/ Sebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh petender/ penyebut harga dan dicatat tarikh.

21.1.3 Semua borang-borang di dalam Dokumen Tawaran Tender/ Sebut Harga ini mestilah dikembalikan dengan sepenuhnya serta lengkap seperti ikatan asal dan **tidak boleh diceraikan**. Jika didapati dokumen



tawaran ini diceraikan makanya tawaran petender/ penyebut harga tidak akan dipertimbangkan.

- 21.1.4 Petender/ penyebut harga wajib mengisi maklumat tawaran pada dokumen tawaran ASAL. Petender/ penyebut harga yang tidak mengisi lengkap dokumen tawaran ASAL tidak akan dipertimbangkan.
- 21.1.5 Dokumen Tawaran Harga dan Dokumen Tawaran Teknikal tidak boleh disatukan. Petender/ penyebut harga hendaklah mengemukakan Dokumen Tawaran Harga dan Dokumen Tawaran Teknikal di dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) bungkusan.
- 21.1.6 Dokumen tambahan boleh dikemukakan seperti lukisan, pelan, contoh dan sebagainya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan butir-butir berikut:
  - a) No. Tawaran dan Tajuk.
  - b) Tarikh tutup tawaran.
  - c) Alamat tempat tutup tawaran.
- 21.1.7 Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dihantar dengan tangan oleh petender/ penyebut harga atau wakil sah petender / penyebut harga dan dimasukkan terus ke dalam **PETI TAWARAN** yang telah disediakan di alamat penghantaran yang ditetapkan.

## 21.2 Tawaran Tender/ Sebut Harga Secara Atas Talian

- 21.2.1 Semua maklumat tawaran hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan di Sistem FinEProcurement Plus.
- 21.2.2 Tawaran yang lengkap hendaklah dikunci masuk (Key-in) ke dalam Sistem FinEProcurement Plus pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Tawaran yang dikunci masuk dan dihantar selepas masa dan tarikh tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dan akan **DITOLAK**.
- 21.2.3 Dokumen sokongan tambahan boleh dikemukakan seperti lukisan, pelan, contoh dan sebagainya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan butir-butir berikut:
  - a) No. Tawaran dan Tajuk.
  - b) Tarikh tutup tawaran.
  - c) Alamat tempat tutup tawaran.
  - d) Kod QR syarikat (cetak dari Sistem FinEProcurement Plus).
- 21.2.4 Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dihantar dengan tangan oleh petender/ penyebut harga atau wakil sah petender / penyebut harga dan dimasukkan terus ke dalam **PETI TAWARAN** yang telah disediakan di alamat penghantaran yang ditetapkan.
- 21.3 Dokumen Tawaran tersalah peti tidak layak dipertimbangkan dan akan **DITOLAK**. Petender/ penyebut harga atau wakil sah petender/ penyebut harga hendaklah sentiasa peka pada notis yang tertera pada **PETI TAWARAN**. **Pastikan Dokumen Tawaran Tender/ Sebut Harga dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang tepat** mengikut nombor tawaran dan tajuk tawaran yang



berkaitan.

- 21.4 Tawaran dan/atau katalog/contoh/sampel/lain-lain dokumen sokongan yang dikemukakan lewat atau selepas tarikh dan masa tutup yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan dan akan **DITOLAK**.

## 22. TEMPOH SAH LAKU

Tawaran ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh minima sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tawaran dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh Universiti selepas tarikh tersebut.

## 23. SETUJU TERIMA TAWARAN.

- 23.1 Universiti akan memberi notis bertulis kepada petender/ penyebut harga yang berjaya apabila tawaran dipersetujui.
- 23.2 Notis itu boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian Tawaran itu tidak boleh, disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada petender/ penyebut harga menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
- 23.3 Apabila dipersetujui maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Universiti dengan petender/ penyebut harga itu mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau diubahsuai yang tersebut itu jika ada) dan tidak ada apa-apa perjanjian atau syarat-syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.
- 23.4 Universiti adalah berhak mempersetujui tawaran sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.
- 23.5 Universiti tidak terikat mempersetujui tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran juga pun.

## 24. KEPUTUSAN TAWARAN ADALAH MUKTAMAD.

Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran daripada petender/ penyebut harga. Keputusan mengenai tawaran yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat-menyrat mengenai keputusan tawaran tidak akan dilayan.

## 25. BON PELAKSANAAN.

- 25.1 Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak yang melebihi RM200,000.00. Petender/ penyebut harga yang berjaya adalah dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat di dalam kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00, petender/ penyebut harga yang berjaya adalah dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan dengan kadar **2.5% dari jumlah kontrak**.
- 25.2 Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00, petender/ penyebut harga yang



berjaya dikehendaki member Bon Pelaksanaan dengan **kadar 5% dari jumlah kontrak**. Bagi kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walaubagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

## **26. PENGHANTARAN BARANG-BARANG.**

Penghantaran barang-barang hendaklah dibuat secepat mungkin iaitu mengikut tempoh serahan yang dinyatakan dalam kontrak syarikat setelah pesanan tempatan dikeluarkan. Satu laporan akan dihantar ke Perbendaharaan sekiranya syarikat gagal berbuat demikian.

## **27. PENOLAKAN.**

- 27.1 Universiti ini boleh menolak barang yang rendah mutunya atau berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui. Barang yang ditolak itu adalah menjadi tanggungan dan perbelanjaan petender/ penyebut harga.
- 27.2 Penolakan ini tidak akan memudaratkan apa-apa hak Universiti ini untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan petender/ penyebut harga memenuhi obligasi kontrak.

## **28. PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN INSURANS.**

Bagi barang import yang ditawarkan secara FOB, pembekal WAJIB menggunakan perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* dan insurans dari syarikat MTO dan Insurans tempatan yang bertaraf Bumiputera yang dilantik/ disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Perkhidmatan MTO dan Insurans hendaklah bermula dari Port of Loading sehingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh Universiti ini.

## **29. IKLAN DAN PUBLISITI**

- 29.1 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga/ Tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Universiti.
- 29.2 Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.”

## **30. DASAR KEUTAMAAN SYARIKAT BUMIPUTERA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN.**

### **30.1 Keutamaan Pelawaan Bagi Perolehan melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu.**

Semua pelawaan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu adalah dipelawa di kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

### **30.2 Keutamaan Harga (*Margin of Preference - MOP*) Bagi Perolehan Bernilai Melebihi RM 100 ribu.**



Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM100 ribu, Syarikat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga (*Margin of Preference - MOP*) seperti berikut:

| Nilai Perolehan                       | Peratusan Keutamaan |
|---------------------------------------|---------------------|
| Melebihi RM100 ribu hingga RM500 ribu | 10%                 |
| Melebihi RM500 ribu hingga RM1.5 juta | 7%                  |
| Melebihi RM1.5 juta hingga RM5 juta   | 5%                  |
| Melebihi RM5 juta hingga RM10 juta    | 3%                  |
| Melebihi RM10 juta hingga RM15 juta   | 2.5%                |
| Melebihi RM15 juta                    | Tiada keutamaan     |

### 30.3 Keutamaan Harga (*Margin of Preferences - MOP*) Bagi Syarikat Pembuat/Pengilang Bumiputera.

Bagi perolehan bekalan di kalangan pembuat, pembuat Bumiputera diberi keutamaan harga seperti berikut:

| Nilai Perolehan                        | Peratusan Keutamaan |
|--|---------------------|
| Sehingga RM10 juta                     | 10%                 |
| Melebihi RM10 juta sehingga RM100 juta | 5%                  |
| Melebihi RM100 juta                    | 3%                  |